MANAQIB

SAIYIDINA AS-SYARIF

AL-QUTHB AL-GHAUTS

AL-AMIR ABDUL QADIR AL-JAZÂIRI

رضى الله عنهم وأرضاهم

MANAQIB

SAIYIDINA AS-SYARIF

AL-QUTHB AL-GHAUTS

AL-AMIR ABDUL QADIR AL-JAZÂIRI

رضى الله عنهم وأرضاهم

PENYELENGGARA TEKS :
Al-Hajj Dr. Mahmoud Mrglani
Al-Madani Al-Malizi

ALIH BAHASA :
Us. Rahmat Muhamad As-Syazili

Diterbitkan oleh :
Zawiyah Sydna Abul Hasan As-Syazili
Lot 177, Jalan Balai Panjang, Kg. Durian Daun,
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus
Malaysia
+60 18-662 7025

Penyelenggara teks :
Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani Al-Mālīzi

Alih bahasa & hakcipta terjemahan :
© Ust. Rahmat Muhamad As-Syazili,
Wakil Tareqat As-Syaziliyyah Negeri Sembilan

Terbitan pertama :
Muharram 1448H/Jun 2026M

Majālis Ar-Rahmatul Muhdāh
https://t.me/+ABsgA4KYIXplZWRI

الأمير عبد القادر
ابن محي الدين الحسني
الجزائري

Di dalam kitabnya yang menarik hati *Jāmi' Karāmāt Al-Awliyā'* (Himpunan Karamah Para Wali) yang terdiri daripada dua jilid, Al-Quthb Sidi Al-Qadhi As-Syeikh Yusuf An-Nabhāni رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata :

Saiyidina Al-Amir Al-Quthb Al-Ghauts As-Syarīf Abdul Qadir Al-Jazāiri. Beliau ialah imam yang `ārif billah, seorang saiyid lagi syarīf dari titihan Saiyidina Al-Hasan Bin Saiyidina Ali ; beliau ialah Al-Amir Abdul Qadir Bin Muhyiddin Al-Jazāiri, yang wafat di Damsyik pada tahun 1300 Hijrah -semoga ALLAH meredhainya dan mengangkat darjatnya-.

Karamah beliau amat banyak, dirinya tergolong dalam kalangan tokoh besarnya para `ārifin yang mengenal ALLAH Taala. Pada dirinya terhimpun akhlak Muhammadiyyah serta pelbagai kesempurnaan agama dan dunia. Kemasyhuran beliau pada zamannya telah memenuhi seluruh pelosok dunia. Tidak ada dua

orang yang berselisih pendapat mengenai kedudukan beliau sebagai seorang daripada kalangan insan pilihan istimewa (maqam wali *al-fard*) di zamannya.

Antara manāqib-nya yang paling agung dan karamahnya yang paling besar ialah kitab beliau yang berjudul *Al-Mawāqif Ar-Rūḥiyyah wal Fuyūḍāt As-Subūḥiyyah* (Rangkaian Pengalaman Rohani dan Limpahan Suci Kurnia Ilahi) yang menghimpun pelbagai *wāridāt* Ilahi yang diterimanya, lalu beliau menamakan setiap satu daripadanya sebagai *mawqif*. Kitab ini mengandungi berbagai ilmu, makrifat dan rahsia kerohanian yang tak terhitung banyaknya lagi tidak mungkin diperolehi dengan membaca apa-apa buku. Sesungguhnya semua itu merupakan kurnia ALLAH yang dianugerahi-NYA kepada sesiapa yang DIA kehendaki.

Saiyidina Al-Amir merupakan salah satu cahaya daripada cahaya-cahaya *Muhammadiyyah* yang bersinar di bumi Algeria. Jihad beliau yang berterusan dan tak pernah putus dalam mengusir penjajah Perancis yang memperkosa tanah airnya, kemudian pemergiannya ke Perancis (sebagai tawanan perang) lalu dipenjarakan di sebuah istana raja-raja mereka, seterusnya perjalanannya ke Turki untuk bertemu Sultan Daulah

Uthmaniyyah, kemudian keputusannya memilih untuk menetap di Damsyik.

Di Damsyik beliau telah menyelamatkan ratusan ribu penganut Kristian, Yahudi dan selain mereka daripada pembunuhan dan pembantaian. Dengan keberkatan beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ api fitnah besar yang merebak di negeri-negeri Syam, Lubnan, Palestin dan Jordan berjaya dipadamkan. Setelah itu beliau berangkat menunaikan ibadah haji di Makkah Al-Mukarramah, lalu menziarahi nendanya Baginda junjungan sekalian umat ; Al-Mustafa Al-Mukhtar Saiyidina wa Maulana Muhammad RasuluLLAH ﷺ tuan empunya kota Madinah Thoybah At-Thoybah.

Di Madinah bertemulah beliau dengan syeikh futuh-nya yang terbesar -pembuka jalan rohaninya kepada *al-fath al-mubīn*- iaitu Saiyidina As-Syeikh Al-Quthb al-Ghauts Muhammad Bin Mas`ūd Al-Fāsi رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم. Syeikh memasukkan beliau ke dalam *kholwah* Syaziliyyah di Zawiyah As-Syaziliyyah di Madinah Al-Munawwarah, serta memerintahkannya iltizam dengan beberapa zikir, nama-nama ALLAH dan doa-doa tertentu. Antara amalan yang ditekankan kepadanya ialah *Al-Istighfār Al-Kabīr* :

اللّٰهُمَّ أَنتَ رَبِّي لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنتَ ❋ خَلَقتَنِي وَأَنَا عَبدُكَ ❋ وَأَنَا عَلَى عَهدِكَ وَوَعدِكَ مَا استَطَعتُ ❋ أَعُوذُ بِكَ مِن شَرِّ مَا صَنَعتُ ❋ أَبُوءُ لَكَ بِنِعمَتِكَ عَلَيَّ ❋ وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنبِي ❋ فَاغفِر لِي ❋ فَإِنَّهُ لَا يَغفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنتَ ❋

"ALLAHumma ENGKAU-lah Tuhanku, tiada Tuhan selain-MU. ENGKAU-lah yang menciptakan aku dan aku adalah hamba-MU. Aku tetap berada di atas janji dan ikrarku kepada-MU sekadar kemampuan ku. Aku berlindung kepada-MU daripada kejahatan yang telah aku lakukan. Aku mengakui segala nikmat-MU yang telah ENGKAU limpahkan kepadaku, dan aku mengaku kepada-MU segala dosaku. Maka ampunilah diriku, kerana sesungguhnya tiada yang dapat mengampuni segala dosa selain-MU".

Dan sempurnalah baginya *wuṣul* (sampai kepada ALLAH) serta *ittiṣal* (hubungan) dan pertemuan dengan penghulu diatas sekalian penghulu, pemimpin para nabi dan rasul Saiyidina wa Maulana Muhammad ﷺ dalam keadaan *yaqazhoh* (jaga). Kemudian beliau dikurniakan *al-khilāfah al-kubra* dan *al-qutbāniyyah al-`uzhma*. Sesudah itu Baginda ﷺ memerintahkan beliau menuju ke Damsyik dan menetap di sana.

Ceritakanlah Nikmat Tuhanmu

Di dalam kitabnya *Al-Mawāqif Ar-Rūḥiyyah wal Fuyūḍāt As-Subūḥiyyah* beliau berkata :

***Mawqif* 83** :

ALLAH Taala berfirman :

﴿وَأَمَّا بِنِعمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّث﴾

"Dan terhadap nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau menceritakannya".

Ayat yang mulia ini telah disampaikan kepadaku melalui ilham ghaib berkali-kali sehingga tak mampu aku nak menghitungnya.

Tidak tersembunyi apa yang telah disebut oleh para ulama tafsir mengenai ayat ini secara umum. Antara makna yang diilhamkan kepadaku mengenainya adalah bahawa yang dimaksudkan dengan "nikmat" di sini ialah nikmat ilmu dan makrifat terhadap ALLAH Taala, serta ilmu tentang apa yang dibawa oleh para rasul عَلَيهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ yang berupa perkara-perkara ghaib dan *mu`āmalāt* (interaksi)nya. Tidak syak lagi bahawa nikmat ini merupakan sebesar-

besar nikmat. Adapun penggunaan lafaz nikmat kepada selainnya hanyalah secara *majāzi* (kiasan) jika dibandingkan dengannya.

Yang dimaksudkan dengan memperkatakan nikmat tersebut ialah menzahirkannya dan menyebarkannya kepada mereka yang berhak dan bersedia untuk menerimanya. Hal ini kerana tidak semua ilmu sesuai untuk setiap orang, dan tidak semua orang sesuai untuk setiap ilmu. Bahkan setiap ilmu mempunyai ahlinya yang bersedia untuk menerimanya, mempunyai kecenderungan yang benar serta himmah yang tinggi untuk memperolehinya.

Atau boleh juga yang dimaksudkan dengan menzahirkan nikmat itu pengertiannya lebih umum dengan merangkumi perkataan dan perbuatan sekali gus. Sebagaimana yang disebut dalam hadis :

أَنَّ اللهَ إِذَا أَنعَمَ عَلَى عَبدٍ نِعمَةً أَحَبَّ أَن يَرَى أَثَرَ نِعمَتِهِ عَلَيهِ

"Sesungguhnya ALLAH apabila mengurniakan suatu nikmat kepada seorang hamba, sukalah DIA untuk melihat kesan nikmat-NYA itu terzahir pada hamba tersebut".

Maka jika nikmat itu termasuk perkara yang zahir melalui perbuatan, hendaklah ia dizahirkan melalui perbuatan. Dan jika ia termasuk perkara yang zahir

melalui perkataan, hendaklah ia dizahirkan melalui perkataan. Dengan demikian, memperkatakan nikmat itu -sebagaimana yang disebut oleh para ulama dalam menghuraikan makna pujian (*al-hamd*) menurut pengertian *`urfi* (adat kebiasaan masyarakat)- ia lebih luas dari sekadar merangkumi pengakuan dengan lisan, kesedaran dalam hati dan pelaksanaan dengan anggota tubuh.

Munajat dan Bicara Rohani

Diantara nikmat yang dikurniakan ALLAH kepadaku ialah bahawa semenjak ALLAH Taala merahmatiku dengan makrifat terhadap diriku sendiri, tidak pernah datang kepadaku sesuatu *khitab* (bicara) atau ilham melainkan dengan ayat-ayat Al-Quranul Karim

﴿الَّذِي لَا يَأْتِيهِ الْبَاطِلُ مِن بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِن خَلْفِهِ تَنزِيلٌ مِّن حَكِيمٍ حَمِيدٍ﴾

"yang tidak didatangi oleh kebatilan dari hadapannya mahupun dari belakangnya ; ia adalah wahyu yang diturunkan daripada Tuhan yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji".

Bermunajat (diajak bicara berdua) dengan Al-Quranul Karim adalah satu dari perkhabaran gembira yang memberi petanda memperolehi warisan *Al-Muhammadiyyah*. Sesungguhnya para ahli dalam bidang ini telah berkata : "Sesiapa yang diajak munajat dengan bahasa seorang nabi, maka dia adalah pewaris nabi yang memiliki bahasa itu. Dan barangsiapa yang diajak bermunajat dengan Al-Quran, maka dia adalah pewaris sekalian *anbiya'* dan dia seorang *Muhammadi* (pewaris Saiyidina Muhammad ﷺ) ; kerana Al-Quran menghimpunkan seluruh bahasa para nabi

sebagaimana maqam Saiyidina Muhammad ﷺ menghimpunkan seluruh maqam".

Antara nikmat tersebut juga ialah bahawa ketika aku sampai di Madinah Al-Munawwarah, kota Tayyibah yang mulia, aku berdiri menghadap *muwājahah* Baginda yang mulia setelah mengucapkan salam kepada Baginda ﷺ dan kepada kedua-dua sahabat Baginda yang telah dimuliakan ALLAH dengan persahabatan bersamanya ﷺ semasa hidup dan juga di alam barzakh. Lantas aku berkata :

> *"Duhai RasuluLLAH, hambamu ini menunggu di pintumu.*
> *Duhai RasuluLLAH, anjingmu berada di bendulmu.*
> *Duhai RasuluLLAH, satu pandangan darimu sudah memadai bagiku.*
> *Duhai RasuluLLAH, satu dari belas kasihmu sudah mencukupiku".*

Maka aku mendengar Baginda ﷺ bersabda kepadaku :
"Engkau adalah anakku, dan engkau makbul di sisiku dengan sajak katamu yang diberkati ini".

Mendengar dan Melihat Baginda ﷺ

Sebenarnya tiada aku mengetahui sama ada yang dimaksudkan dengan "anak" itu ialah zuriat nasab ataupun kelahiran hati yang rohani. Namun harapanku terhadap limpah kurnia ALLAH Taala ialah bahawa kedua-dua makna tersebut sama-sama dikehendaki. Lalu aku memuji-muji ALLAH Taala. Kemudian dalam situasi itu aku berdoa : "*ALLAHumma, sempurnakanlah pendengaran ini dengan dapat melihat kepada diri Baginda yang mulia*".

Kerana sesungguhnya Baginda ﷺ telah menjamin penjagaan dalam *ru'yah* (pengelihatan) dengan sabdanya :

وَمَن رآنِي فَقَد رَأَى الحَقَّ فَإِنَّ الشَّيطَانَ لَا يَتَمَثَّلُ بِصُورَتِي

"Barang siapa melihatku, maka sesungguhnya dia telah melihat yang sebenar, kerana sesungguhnya syaitan tidak dapat menyerupai rupaku",

namun Baginda tidak memberikan jaminan yang sama bagi pendengaran suara.

Kemudian aku duduk di arah dua kaki Baginda yang mulia, bersandar pada dinding sebelah timur masjid sambil berzikir kepada ALLAH Taala. Tiba-tiba aku jatuh pengsan dan ghaiblah aku dari dunia sekelilingku, ghaib dari gema berbagai suara di dalam masjid yang berupa bacaan Al-Quran, zikir dan doa, bahkan aku hilang dari diriku sendiri. Dalam keadaan itu aku mendengar seseorang berkata : "Inilah Saiyidina At-Tihāmi". Dalam keadaanku itu aku pun mengangkat pandanganku lalu melihatlah aku kepada Baginda ﷺ sedang keluar dari arah tingkap besi yang terletak berhampiran dua kaki Baginda yang mulia. Baginda selanjutnya maju ke tingkap yang satu lagi dan melewatinya ke arah tempatku berada.

Maka aku melihat Baginda ﷺ dalam rupa yang penuh wibawa dan keagungan, bertubuh tegap lagi teguh rapi. Hanya sahaja uban Baginda yang mulia kelihatan lebih banyak, dan kemerahan wajah Baginda lebih jelas daripada apa yang disebut oleh para pengarang kitab-kitab *syamā'il*. Tatkala Baginda semakin hampir kepadaku, aku kembali kepada kesedaranku yang biasa lantas aku memuji-muji ALLAH Taala.

Berita-berita Gembira

Kemudian aku kembali berzikir kepada ALLAH Taala, lalu aku mengalami keadaan sama seperti yang pertama sehingga terputus kesedaran daripada alam sekeliling. Maka aku didatangi firman ALLAH Taala :

﴿إِذَا دُعِيتُم فَادخُلُوا فَإِذَا طَعِمتُم فَانتَشِرُوا﴾

"Apabila kamu diundang, maka masuklah ; dan apabila kamu telah selesai makan, maka beredarlah".

Apabila aku kembali kepada kesedaranku, aku memuji-muji ALLAH Taala, lalu aku merenungi ayat yang mulia itu dan mendapati bahawa ia mengandungi pelbagai jenis berita gembira :

- Kerana sesungguhnya lafaz إِذَا (apabila) menunjuk kepada makna *tahqīq* (kepastian) dan makna ini sama kuat dengan ucapan : "Sesungguhnya kamu telah diundang".
- Lafaz دُعِيتُم (kamu diundang) dibina dalam bentuk yang tidak disebut pelakunya (tidak dinyatakan siapa yang mengundang), lalu ia merangkumi undangan daripada ALLAH Al-Haqqu Taala dan juga undangan daripada Saiyidina RasuluLLAH

ﷺ. Perintah supaya masuk sesudah menerima undangan merupakan kemuncak penghormatan dan pemuliaan.

- فَإِذَا طَعِمتُم (dan apabila kamu telah makan) pula mengandungi perkhabaran bahawa tujuan undangan tadi adalah untuk dimuliakan, dikurniai nikmat dan dijamu.
- فَانتَشِرُوا (maka bersurailah) merupakan perintah yang membawa maksud izin untuk beredar setelah mendapat kemuliaan dan kurniaan tersebut. Maka pada pemberitahuan bahawa jemputan itu adalah untuk pemuliaan, dan pada keizinan untuk beredar sesudah beroleh nikmat, terdapat perhatian yang amat besar dan kemuliaan yang sangat tinggi.

Kemudian aku *tawajjuh* berzikir kepada ALLAH lalu sekali lagi aku jatuh pengsan. Maka didatangkan kepadaku firman ALLAH Taala :

﴿ادْخُلُوهَا بِسَلَامٍ آمِنِينَ﴾

"Masuklah kamu ke dalamnya dengan sejahtera lagi aman".

Setelah aku kembali kepada kesedaranku, aku memuji ALLAH Taala atas pengulangan berita gembira itu.

Kemudian aku kembali *tawajjuh* kepada zikir, lalu aku tenggelam lagi dalam keadaan tersebut. Maka disampaikan kepadaku firman ALLAH Taala :

﴿وَبَشِّرِ الَّذِينَ آمَنُوا أَنَّ لَهُم قَدَمَ صِدقٍ عِندَ رَبِّهِم﴾

"Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman bahawa bagi mereka ada persediaan yang sungguh mulia di sisi Tuhan mereka".

Setelah aku kembali kepada kesedaranku, aku pun memuji-muji ALLAH Taala dan tahulah aku bahawa yang dimaksudkan dengan قَدَمَ صِدقٍ (kedudukan yang benar) itu ialah Baginda ﷺ sendiri. Dan aku memahami bahawa Baginda telah memerintahkanku untuk menjadi perantara dalam menyampaikan berita gembira tersebut kepada umatnya.

Kemudian aku semakin memperbanyakkan *tawajjuh* dalam zikir, lalu aku tenggelam lagi dalam keadaan tersebut. Maka disampaikan kepadaku firman ALLAH Taala :

﴿قُل إِنَّ الفَضلَ بِيَدِ اللهِ يُؤتِيهِ مَن يَشَاءُ﴾

"Katakanlah : Sesungguhnya segala kelebihan itu berada di tangan ALLAH ; DIA mengurniainya kepada sesiapa yang DIA kehendaki".

Setelah aku kembali kepada kesedaranku, aku pun memuji-muji ALLAH Taala dan mengetahui ini adalah perkhabaran bahawa segala nikmat yang diperoleh ini bukanlah ia sebagai ganjaran bagi suatu ilmu, bukan pula hasil suatu amalan, atau sesuatu keadaan kerohanian. Ia juga bukan diperolehi kerana kelayakan atau hak yang dimiliki. Sebaliknya, semua ini adalah semata-mata kurniaan budi, anugerah dan pemberian daripada ALLAH Taala.

Kemudian aku semakin menambah *tawajjuh* dalam zikir, lantas aku tenggelam lagi dalam keadaan tersebut. Maka disampaikan kepadaku firman ALLAH Taala :

﴿قُل نَزَّلَهُ رُوحُ القُدُسِ مِن رَّبِّكَ بِالحَقِّ لِيُثَبِّتَ الَّذِينَ آمَنُوا وَهُدًى وَبُشرَى لِلمُسلِمِينَ﴾

"Katakanlah : (Al-Quran itu) diturunkan oleh Ruh Al-Qudus dari Tuhanmu dengan yang hak, untuk meneguhkan hati mereka yang beriman, serta menjadi hidayah dan berita gembira bagi kaum Muslimin".

Setelah aku kembali kepada kesedaranku, aku pun memuji-muji ALLAH Taala atas segala berita gembira dan rahsia-rahsia yang terkandung dalam ayat ini.

Kemudian aku kembali menambah lagi *tawajjuh* dalam zikir, lalu aku tenggelam lagi dalam keadaan itu. Maka disampaikan kepadaku firman ALLAH Taala :

﴿وَيُرِيكُم آيَاتِهِ فَأَيَّ آيَاتِ اللهِ تُنكِرُونَ﴾

"Dan DIA memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kebesaran-NYA; maka tanda-tanda ALLAH yang manakah yang hendak kamu ingkari?".

Setelah aku kembali kepada kesedaranku, aku pun memuji-muji ALLAH Taala lantas aku berkata : "Tiada aku mengingkari sesuatu pun daripada tanda-tanda ALLAH Taala, dan seorang hamba itu wajib mengakui kurnia budi Tuhannya ke atas dirinya".

Hadrat Baginda ﷺ Lebih Utama

Kemudian aku bangun menuju ke tempat uzlah-ku. Lalu ada seorang syeikh daripada kalangan ahli tarekat masuk menemuiku. Beliau berkata kepadaku : "Apabila engkau hendak menghadap Saiyidina RasuluLLAH ﷺ, maka jadikanlah antara dirimu dan Baginda seorang perantara dari kalangan para masyaikh besar seperti Sidi Abdul Qadir Al-Kailāni, atau Sidi Muhyiddin Al-Hātimi, atau Sidi As-Syazili dan para masyaikh yang seumpama mereka". Maka aku menjawab : "Biarlah aku terlebih dahulu meminta izin daripada Tuanku dan Penghuluku yang diriku sekarang menunggu di bendul pintunya".

Aku pun *tawajjuh* berzikir kepada ALLAH Taala maka tenggelamlah aku dalam keadaan tersebut. Lalu disampaikan kepadaku firman ALLAH Taala :

﴿النَّبِيُّ أَولَى بِالمُؤمِنِينَ مِن أَنفُسِهِم﴾

"Nabi itu lebih utama terhadap orang-orang yang beriman daripada diri mereka sendiri".

Setelah kembali kepada kesedaranku, aku pun memuji-muji ALLAH Taala. Dan apabila aku kembali menemui

syeikh tersebut, aku berkata kepadanya : "Sesungguhnya Tuanku dan Penghuluku tidak mahu adanya perantara antara diriku dengan Baginda. Baginda mengkhabarkan aku bahawa diri Baginda lebih utama bagiku daripada sesiapa, bahkan lebih utama daripada diriku sendiri, kemudian dan kemudian dan kemudian.

وَكَانَ مَا كَانَ مِمَّا لَستُ أَذكُرُهُ
فَظُنَّ خَيرًا وَلَا تَسأَل عَنِ الخَبَرِ

Dan berlakulah apa yang telah terjadi
yang sudah tidak aku ingati
maka kau sangka yang baik saja
jangan kau tanya khabarnya lagi.

Bertemu Dengan Saiyidina Ibrahim

Perkara pertama yang dibukakan bagiku dalam alam kebaikan dan cahaya ialah bahawa aku telah bertemu dengan Saiyidina Al-Khalil Ibrahim عَلَيهِ السَّلَامُ dalam suatu wāqi`ah (*kasyaf* yang terang) yang berlaku di kawasan tawaf. Dalam peristiwa itu baginda berada dalam suatu majlis yang ramai hadirin, sedang menceritakan kisah penghancuran patung-patung berhala. Aku melihat Baginda dalam usianya yang sama sebagaimana ketika peristiwa itu berlaku, iaitu seperti yang difirmankan ALLAH Taala :

﴿قَالُوا سَمِعنَا فَتًى يَذكُرُهُم﴾

"Mereka berkata : Kami mendengar seorang pemuda yang menyebut-nyebut berhala-berhala itu ..."

Maka tidaklah mataku pernah melihat seseorang yang lebih indah daripadanya. Bagaimana tak begitu, sedangkan Saiyidina RasuluLLAH ﷺ sendiri telah menyamakan ketampanan dirinya dengan Saiyidina Ibrahim عَلَيهِ السَّلَامُ sebagaimana sabda Baginda :

وَرَأَيتُ سَيِّدَنَا إِبرَاهِيمَ وَأَنَا أَشبَهُ وَلَدِهِ بِهِ

"… dan aku telah melihat Saiyidina Ibrahim, dan aku adalah anak keturunannya yang paling mirip dengannya".

Maka tahulah aku bahawa diriku akan memperoleh sebahagian warisan daripada baginda Saiyidina Ibrahim pada kasih sayang makhluk. Kerana sesungguhnya bagindalah yang berdoa :

﴿وَاجعَل لِّي لِسَـانَ صِدقٍ فِي الآخِرِينَ﴾

"Dan jadikanlah bagiku sebutan yang baik dalam kalangan generasi yang kemudian",

lalu ALLAH memperkenankan permohonannya. Maka berhimpunlah berbagai agama, golongan dan kelompok manusia masing-masing mahabbah kepada baginda عَلَيهِ السَّلَامُ. Dan keistimewaan seperti ini tidak dimiliki oleh seorang pun daripada kalangan rasul yang lain عَلَيهِمُ السَّلَامُ". (Selesailah di sini nukilan dari kitab *Al-Mawāqif Ar-Rūḥiyyah*).

Pernah aku berziarah kepada seorang wali besar, lalu aku melihat beberapa foto Saiyidina Al-Amir Al-Quthb al-Ghauts Abdul Qadir Al-Jazāiri رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ dipamerkan di dinding zawiyah beliau. Foto-foto tersebut memperlihatkan Saiyidina Al-Amir pada pelbagai peringkat usianya, dan semuanya diletakkan

dalam bingkai yang mewah nan indah. Maka terdetik di dalam hatiku bahawa Saiyidina Syeikh Al-Quthb Al-Ghauts Al-Khatm tuan zawiyah itu, seolah-olah ingin mengisyaratkan bahawa Saiyidina Al-Amir Abdul Qadir memiliki suatu kemiripan dengan nendanya Saiyidina RasuluLLAH ﷺ yang mana itu terjadi kepada sesiapa yang telah dikurniai kemuliaan melihat Baginda ﷺ dalam keadaan jaga dan dalam mimpi.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وصَحبِهِ وَسَلِّمْ تَسلِيمًا كَثِيرًا ❊ سُبحَانَ رَبِّكَ رَبِّ العِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ❊ وَسَلَامٌ عَلى المُرسَلِينَ ❊ وَالحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِين ❊